

UMT bangunkan Pulau Bidong

um 3/7/09 m/s 26.

KUALA TERENGGANU 2 Julai – Universiti Malaysia Terengganu (UMT) akan membangunkan Pulau Bidong di sini sebagai taman pendidikan laut.

Naib Canselornya, Prof. Dr. Aziz Deraman berkata, tumbuh-tumbuhan di Pulau Bidong yang berada di bawah seliaan UMT kini sudah mula membiak selepas pelaksanaan program pemuliharaan beberapa tahun lalu.

Menurut beliau, pihaknya juga telah menghantar pakar untuk mengenal pasti dan menanda pokok-pokok yang tumbuh di pulau berkenaan.

“Apabila selesai proses menanda pokok-pokok, Pulau Bidong sesuai dijadikan tempat lawatan dan aktiviti pendidikan.

“Ia juga amat sesuai dijadikan kawasan penyelidikan,” katanya selepas Majlis Mesra UMT bersama Media di sini malam tadi.

Aziz berkata, UMT memperuntukan sebanyak RM3 juta untuk membangunkan beberapa infrastruktur asas di pulau berkenaan dalam usaha mencapai tujuan tersebut.

“Antara yang akan dibina ialah jeti, makmal penyelidikan dan kemudahan bekalan elektrik dan air,” katanya.